

# Pulih hubungan dengan Singapura 'mendalam': PM

SINGAPURA: Pemulihan hubungan Singapura-Malaysia bukan saja berlaku dalam suasana tetapi juga dalam intipatinya, demikian dilaporkan oleh akhbar *Business Times* yang memetik Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Dalam satu sesi dialog bersama media asing dan kumpulan bijak pandai di bawah program Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) Malaysia kelmarin, Perdana Menteri berkata hubungan antara kedua-dua negara jiran adalah baik, dan mereka menyedari keutamaan dalam menyelesaikan segala masalah dua hala.

"Orang Temasek (sayap pelaburan kerajaan Singapura) datang ke sini dan telah menunjukkan minat dalam membeli ekuiti dalam syarikat-syarikat kita," katanya, merujuk kejayaan usaha memulihkan hubungan itu.

Abdullah juga berkata, beliau sejak beberapa bulan ini tidak melihat apa-apa kenyataan atau petanda yang menunjukkan masalah dua hala antara kedua-dua negara.

"Rasanya baik," kata beliau.

Mengenai isu-isu utama yang masih belum selesai, Perdana Menteri yakin kemajuan akan dicapai dan "ia adalah demi kepentingan Singapura dan Malaysia untuk menyelesaikan isu-isu ini."

Singapura dan Malaysia menghadapi beberapa masalah tertangguh

mengenai penebusan laut oleh Singapura, masa depan Tambak dan bekalan air.

Sementara itu, syarikat tersenarai, Malaysian Plantations Bhd kelmarin mengumumkan, Temasek Holdings Ltd Associate telah melengkapkan rundingan untuk membeli sahamnya, menurut *Business Times*.

Abdullah berkata: "Apa yang penting ialah kita perlu memikirkan apa yang penting bagi kedua-dua negara. Jika kita boleh mencari penyelesaian yang baik bagi kedua-dua pihak atas dasar saling menguntungkan, tiada siapapun akan rugi. Saya rasa itu boleh diterima."

Sementara itu, Abdullah menolak andaian bahawa kempen anti rasuah beliau telah mula pudar sejak pilihan raya umum pada Mac lepas, demikian menurut akhbar itu.

Perdana Menteri berkata, Badan Pencegah Rasuah (BPR) telah menangkap lebih 200 orang dan banyak daripada kes itu akan membawa kepada pensabitan.

Kerajaan tidak akan menghebohkan isu itu lagi tetapi agensi itu akan meneruskan dengan usahanya.

Mengenai peraturan keselamatan untuk menangani ancaman pengagah di Selat Melaka, Abdullah berkata beliau baru-baru ini menemui Pemerintah Armada Pasifik Amerika Syarikat Laksamana Thomas Fargo, yang memaklukkannya Amerika ti-



ABDULLAH sempat menunjukkan ke arah jurugambar ketika bergambar dengan penerima Anugerah Khidmat Cemerlang Perbendaharaan 2003, semalam. Turut serta, Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop (tiga dari kiri) dan Timbalan Menteri Kewangan, Tengku Putera Tengku Awang (lima dari kiri) serta Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Dr Samsudin Hitam (enam dari kiri). - Gambar oleh Ramdzan Masiam

dak berniat memainkan peranan mempertahankan kawasan itu.

Melindungi laluan perairan adalah menjadi tanggungjawab negara-negara littoral.

Abdullah berkata Malaysia menyedari hakikat itu dan tahu sebarang tindakan pengganas, seperti merampas kapal, boleh membawa malapetaka.

"Tetapi pada bila-bila masa, jika kita memerlukan sedikit sokongan atau bantuan daripada mana-mana pihak, kita bebas berbuat demikian," katanya. - Bernama